

19/02/2003

NAM mampu jadi kuasa ekonomi dunia: Dr Mahathir

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) boleh menjadi kuasa ekonomi yang dapat mempertahankan kepentingan negara membangun jika

semua negara anggota bekerjasama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, melalui kerjasama, 83 negara NAM yang menganggotai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) boleh menjadi kumpulan berpengaruh dalam rundingan pelbagai hala dalam badan perdagangan dunia itu.

Malaysia percaya NAM dengan 114 negara anggota berpotensi menyumbang kepada usaha mengurangkan dan menangani sebarang kesan negatif globalisasi

dan pada masa sama mendapat manfaat daripada kerja sama ekonomi.

"Tatkala liberalisasi perdagangan yang dimulakan WTO dan kedatangan globalisasi membuka pasaran baru, ia juga meningkatkan persaingan.

"Tiada satu negara boleh berdaya saing dalam setiap perkara, tetapi menerusi kerja sama perdagangan dan pelaburan, negara NAM boleh menggunakan kekuatan masing-masing bagi bersaing di pasaran dunia," katanya.

Beliau berucap merasmikan Showcase Malaysia 2003 dan Malaysia Tourism Fair 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam. Kedua-dua

acara itu diadakan sempena Sidang Kemuncak NAM yang bermula esok hingga Selasa depan.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, sumbangan negara anggota

NAM terhadap perdagangan dunia menunjukkan bahawa potensi bagi kerja sama

perdagangan dan perniagaan belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Pada 2001, eksport negara NAM dalam perdagangan dunia hanya 14.3 peratus atau RM3,345.9 bilion manakala import 11.4 peratus atau RM2,800.2 bilion.

"Mengambil kira jumlah negara dalam NAM, bahagiannya dalam perdagangan dunia tidaklah seberapa. Justeru, bagi mempercepatkan kadar pertumbuhan dalam perdagangan, negara anggota perlu meningkatkan usaha mengenal pasti

dan membangunkan bidang kerja sama ekonomi," katanya.

Perdana Menteri menggesa sektor swasta, termasuk persatuan perdagangan dan industri di negara NAM memulakan program dan aktiviti bagi meneroka peluang kerjasama.

Katanya, sektor swasta perlu inovatif dalam mengambil peluang yang ada dan mengusahakan kaedah baru perniagaan bagi memanfaatkan potensi negara anggota NAM.

"Dengan maklum balas sektor swasta, kerajaan boleh mengusahakan kerja

sama dalam perniagaan dan pelaburan dengan mewujudkan iklim yang sesuai bagi aktiviti perniagaan berkembang maju," katanya.

Beliau berkata, pelancongan juga boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan interaksi di kalangan negara anggota NAM.

Justeru, katanya, anggota NAM sewajarnya memudahkan perjalanan di antara

negara masing-masing dengan mengurangkan prosedur birokratik dan menggalakkan agensi pelancongan mempromosikan negara masing-masing.

"Industri pelancongan adalah sektor yang semakin penting kepada ekonomi

Malaysia dan saya percaya ia juga boleh menjadi sektor penting kepada sebahagian besar negara anggota NAM," katanya.

Dr Mahathir berkata, NAM juga perlu mempertimbangkan kemungkinan mengadakan jalinan hubungan dengan pertubuhan serantau sebagai cara mempertingkatkan kerjasama ekonomi negara anggota.

Ini kerana negara anggota NAM juga adalah anggota pertubuhan serantau seperti Asean, Majlis Kerjasama Teluk, Pasaran Bersama Arab, Kesatuan Ekonomi Negara Afrika Barat dan Kesatuan Pembangunan Selatan Afrika.

"Jalinan berkenaan sepatutnya menyediakan ruang bagi kerjasama perniagaan yang memanfaatkan semua pihak," katanya.